

Headline	Hanya babit 30pc pengguna		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	19
ArticleSize	246 cm <sup>2</sup>	Journalist	Yusliza Yakimir
PR Value	RM 27,153		



# Hanya babit 30% pengguna

■ TNB sedia Pusat Informasi Tarif untuk Pelanggan perjas kekeliruan maklumat

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib

**T**enaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan Pusat Informasi Tarif untuk Pelanggan bagi memudahkan pengguna mendapatkan sebarang maklumat berkaitan pelaksanaan tarif baru elektrik yang berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB Datuk Mohd Aminudin Mohd Amin berkata, pihaknya menyediakan kemudahan itu kerana menyedari masih ramai di kalangan pengguna yang keliru terhadap pelaksanaan tarif baru dan menganggap kenaikan itu akan membebankan mereka.

“Sebenarnya, tarif baru itu tidak akan menjejaskan 70 peratus atau 4.6 juta pelanggan domestik, malah rebat daripada kerajaan untuk pelanggan dengan bil bulanan sebanyak RM20 atau ke bawah masih dikekalkan.

“Sebab itu kita cadangkan industri komersial menggunakan elektrik secara berhemat dan efisien, manakala bagi pengguna domestik pula kita menggalakkan perubahan sikap dan cara hidup seharian untuk menjimatkan penggunaan elektrik di kediaman,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Justeru katanya, bagi membantu orang ramai menjadi pengguna elektrik yang berhemat, TNB juga akan meneruskan Kempen Kecekapan Tenaga.

Maklumat terperinci mengenai tarif baru boleh didapati di [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau menghubungi Pusat Informasi Tarif untuk Pelanggan di talian 1300-88-5454 yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 11 malam.

Sementara itu, kajian oleh agensi MyPower Corporation menunjukkan Malaysia adalah antara negara di Asia Tenggara yang mempunyai purata tarif elektrik terendah bagi setiap kilowatt (KWh) iaitu pada kadar

33.54 (sen/KWh).

Berbanding Malaysia, Singapura mempunyai purata tarif elektrik tertinggi iaitu 63.63 sen/KWh, diikuti Filipina (57.24 sen/KWh) dan Thailand (36.88 sen/KWh).

Manakala purata tarif elektrik di Indonesia adalah yang paling rendah berbanding keempat-empat negara iaitu 24.4 sen/KWh.

Kelmarin, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili mengumumkan kadar purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dinaikkan 4.99 sen manakala 5 sen bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Januari 2014.

